



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Public Service Department, Malaysia  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-80008000  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.7 (2)

21 Oktober 2020

**Seperti Senarai Edaran**

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**ARAHAN KEHADIRAN BERTUGAS PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DI NEGERI SELANGOR, SABAH, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berikutan keputusan Kerajaan pada 12 dan 20 Oktober 2020 yang telah menetapkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuat kuasa di seluruh negeri Sabah mulai 13 Oktober hingga 26 Oktober 2020 dan seluruh negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan mulai 14 Oktober hingga 27 Oktober 2020, maka bagi mengukuh usaha untuk mengekang penularan wabak COVID-19, tindakan lanjut untuk mengurangkan keberadaan dan pergerakan penjawat awam di kawasan-kawasan terbabit perlu diambil sebagai langkah pencegahan tambahan.

3. Justeru, **bermula 22 Oktober 2020** sehingga tamatnya tempoh PKPB, Ketua Jabatan hendaklah memastikan keberadaan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan ke pejabat adalah pada tahap **maksimum 30 peratus** sambil memastikan perkhidmatan asas agensi tidak terjejas dan berterusan dapat dicapai oleh pelanggan berdasarkan Piagam Pelanggan Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing. Arahan kehadiran bertugas ini adalah **terkecuali kepada penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan penting** yang ditentukan oleh Ketua Jabatan selaras dengan Surat Edaran JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6 (2) bertarikh 17 Mac 2020.

4. Bagi maksud ini, **Ketua Jabatan adalah diarah** supaya memastikan semua pegawai di peringkat pengurusan dan pentadbiran Kementerian/Jabatan/Agensi yang tidak diperlukan berada di pejabat sepenuh masa, dijadualkan supaya Bekerja Dari Rumah (BDR), sama ada secara penggiliran atau sepenuh masa agar kehadiran mereka di pejabat dioptimumkan pada kadar minimum semasa tempoh PKPB dikuatkuasakan. Dalam hal ini juga, ketetapan dalam Surat Edaran JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6 (6) bertarikh 2 Mei 2020 adalah masih terpakai.

5. Sehubungan dengan itu, semua aktiviti secara bersemuka seperti mesyuarat, perbincangan atau latihan tidak dibenarkan dan hendaklah dilaksanakan secara atas talian sepenuhnya. Dokumen rahsia rasmi adalah tidak dibenarkan untuk dibawa keluar sepanjang tempoh ini. Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan atas kepentingan tugas dan prinsip BDR untuk memberi kebenaran membawa keluar dari pejabat dokumen rahsia rasmi termasuk salinan *hardcopy* atau *softcopy* berpandukan Garis Panduan Membawa Rahsia

Rasmi Keluar Dari Pejabat Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.


6. Sebagai langkah berterusan bagi pencegahan wabak COVID-19, Ketua Jabatan hendaklah sentiasa memastikan pematuhan sepenuhnya kepada semua peraturan, garis panduan dan surat edaran yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

7. Arahan ini juga dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan yang dikenakan PKPB seperti di para 2 di atas sehingga tamat tempoh PKPB, tertakluk kepada mana-mana arahan yang akan diumumkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN)**

## **SENARAI EDARAN**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Negeri Selangor

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Negeri Sabah

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Wilayah Persekutuan Putrajaya

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Wilayah Persekutuan Labuan

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri Selangor

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri Sabah

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Wilayah Persekutuan Putrajaya

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Wilayah  
Persekutuan Kuala Lumpur

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Wilayah  
Persekutuan Putrajaya

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Wilayah  
Persekutuan Labuan